






SIARAN AKHBAR

**INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA 2019 (Q2 2019)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2019. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. Pada suku kedua tahun 2019, RPPI ialah 89.2 yang menunjukkan penurunan sebanyak 1.6% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku kedua tahun 2018, dan penurunan sebanyak 2.5% berbanding dengan suku pertama tahun 2019.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2018	Dari Q1 2019
Q2 2019	89.2	-1.6%	-2.5%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 122 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku kedua tahun 2019. Kebanyakan daripada transaksi tersebut ialah bagi pembelian rumah *detached* (49.2%), diikuti oleh rumah teres (24.6%), rumah berkembar atau *semi-detached* (19.7%) pangsapuri (4.9%), dan tanah (1.6%).

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku kedua tahun 2019 ialah BND260,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* ialah BND286,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* ialah BND268,000, bagi rumah teres ialah BND198,000, bagi pangsapuri ialah BND326,000, dan bagi tanah ialah BND125,000. Harga median secara keseluruhan bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku kedua tahun 2019 kekal sama

berbanding dengan suku kedua tahun 2018. Jika dibandingkan dengan suku pertama 2019, harga median bagi pembelian hartanah kediaman telah meningkat sebanyak 6.1% suku tahun ke suku tahun.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini bagi penilaian mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 17 Muharram 1441H/ 17 September 2019M

Rujukan: AMBD/COMMS/3